

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 11 JANUARI 2022

AKHBAR : BERITA HARIAN

PAUTAN : <https://www.bharian.com.my/amp/bisnes/lain-lain/2023/01/1050412/kerajaan-terus-pantau-semua-risiko-ekonomi>

Kerajaan terus pantau semua risiko ekonomi



SHAH ALAM: Kerajaan akan terus memantau pelbagai risiko ekonomi dan memastikan keputusan dasar yang dibuat akan dapat menguruskan secara berkesan sebarang kejutan luaran yang boleh menjejaskan kesejahteraan rakyat dan perniagaan.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Seri Ahmad Maslan, berkata keutamaan jangka sederhana kerajaan adalah untuk melaksanakan pembaharuan struktur yang akan meningkatkan potensi ekonomi, daya tahan dan prospek negara; menjadikan Malaysia destinasi pelaburan yang lebih menarik serta menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan dan inklusif untuk semua.

Beliau berkata, 2023 dijangkakan menjadi tahun yang mencabar, terutamanya kepada rakyat dan perniagaan.

Katanya, senario ekonomi global semakin tidak menentu dan tinjauan ekonomi bagi 2023 juga dilihat kurang memberangsangkan.

"Sebagai ekonomi yang terbuka, Malaysia tidak terkecuali daripada perkembangan global. Oleh itu, kerajaan akan sentiasa memastikan setiap langkah yang dibuat adalah berteraskan kesejahteraan dan kebajikan rakyat segenap lapisan masyarakat.

"Antaranya ialah memberi tumpuan utama bagi pemulihan ekonomi pasca COVID-19 dengan memastikan kebajikan rakyat serta kelangsungan perniagaan," katanya pada perasmian Konvensyen Akauntan Nasional 3.0 anjuran Persatuan Firma-Firma Akauntan Bertauliah Melayu Malaysia (AMCAF) dan Institut Syariah Audit Malaysia (ISAM) di sini, hari ini.

Ahmad berkata, tumpuan juga perlu diberikan terhadap cara pengoperasian perniagaan dan industri dengan mengambil kira risiko dan peluang ekonomi, alam sekitar dan sosial di samping implikasi kewangan bagi menjana faedah jangka panjang bukan saja bagi kesinambungan sesuatu perniagaan dengan penciptaan nilai tetapi juga kelestarian alam sekitar termasuk sumber.

Beliau berkata, Malaysia, seperti kebanyakan negara lain, komited terhadap pematuhan inisiatif Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) kerana hala tuju itu penting untuk negara bagi mengharungi cabaran 2023 dan ke depan.

"ESG adalah tonggak utama yang digunakan untuk mengukur kemampuan industri walaupun buat masa ini perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta firma profesional masih di peringkat awal pelaksanaan.

"Bagi syarikat tersenarai, keperluan bagi melaksanakan pelaporan bersepadu membabitkan pendedahan dari aspek ekonomi, alam sekitar dan sosial oleh Bursa Malaysia sudah bermula sejak 2016," katanya.

Mengulas lanjut usaha ESG di negara ini, Ahmad berkata, Malaysia sebagai salah satu daripada 192 negara yang menerima pakai inisiatif Matlamat Pembangunan Kelestarian (SDG) sudah melaksanakan pelan tindakan sejak 2016 dengan menyepadukan keperluan untuk penggembleran sumber, termasuk tenaga kerja, pembinaan kapasiti dan ruang fizikal serta pendanaan melalui Rancangan Malaysia Ke-11 dan ke-12.

Beliau berkata, negara juga komited untuk mencapai status negara neutral karbon menjelang 2050 selaras dengan komitmen dunia terhadap perubahan iklim dan resolusi dalam Perjanjian Paris mengenai perubahan iklim.

Katanya, bagi memenuhi sasaran neutral karbon, inisiatif Pasaran Karbon Sukarela atau Voluntary Carbon Market (VCM) telah dilancarkan Bursa Malaysia.

Tambahnya, Bank Negara Malaysia (BNM) juga memperkenalkan inisiatif Pengantaraan Berasaskan Nilai (VBI) yang secara langsung mempromosikan pertimbangan aspek pemuliharaan alam sekitar dan penciptaan nilai yang lebih lestari bagi program pembiayaan dan pelaburan oleh institusi kewangan.

Ahmad berkata, kerajaan turut berjaya melaksanakan terbitan sukuk kelestarian global berdaulat dalam denominasi dolar Amerika Syarikat (AS) berjumlah AS\$1.3 bilion pada 2021.

Seterusnya, beliau berkata, pada 30 September 2022, kerajaan menerbitkan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia Lestari berjumlah RM4.5 bilion.

"Terimaan daripada terbitan sukuk itu juga digunakan untuk membiayai sebahagian defisit fiskal iaitu menampung perbelanjaan pembangunan seperti projek pengangkutan bersih, pengurusan mampan sumber asli, tenaga boleh baharu dan bangunan hijau.

"Ini membuktikan komitmen terhadap usaha membangunkan pelaburan mampan dan bertanggungjawab ke arah Agenda Pembangunan Mampan 2030," katanya.